

BAB VI

SRJK(C) DAN SEKSYEN 21(2) AKTA PELAJARAN 1961

Seperti mana yang terdapat dalam Akta Pelajaran 1961 dan juga Perakuan 1 dalam Laporan Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, peruntukan untuk mengekalkan SRJK(C) dan SRJK(T) telah ditegaskan. Namun, peruntukan yang memberikan kuasa kepada Menteri untuk menghapuskan sekolah jenis kebangsaan ini seperti yang termaktub dalam peruntukan 21(2) Akta Pelajaran 1961 telah menimbulkan kontroversi yang hangat.

Semenjak penguatkuasaan Akta Pelajaran 1961, kewaspadaan masyarakat Cina tentang penukaran bahasa pengantar SRJK(C) dan SRJK(T) kepada bahasa kebangsaan telah dipertingkatkan. Walaupun rekod dari Kementerian Pendidikan memperlihatkan bahawa Menteri Pendidikan tidak pernah menggunakan akta tersebut untuk menukar SRJK(C) kepada SRK, namun keadaan ini masih tidak dapat menghilangkan kebimbangan yang sentiasa memenuhi hati sanubari para pendidik Cina dari SRJK(C), Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Mereka tidak putus-putus mendesak kerajaan supaya mengambil langkah perundangan untuk memansuhkan Seksyen 21(2) Akta tersebut dan bukan jaminan lisan semata-mata.

Kontroversi Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961

Dari segi dasar pendidikan kebangsaan, perlu diterima hakikat bahawa matlamat akhirnya ialah untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua institusi pendidikan bagi memupuk semangat integrasi kebangsaan dan perpaduan bangsa di kalangan pelbagai etnik. Justeru, ke arah memantapkan status dan kedudukan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat persekolahan dan institusi pendidikan kerajaan dan bantuan kerajaan, peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 telah digubal dan dikuatkuasakan. Perbekalan seksyen tersebut mempunyai implikasi penting dari segi kuasa Menteri yang perlu sentiasa mendukung matlamat akhir dasar pendidikan kebangsaan yang bertunggakkan kepada Laporan Razak.

Namun perlu diingatkan bahawa rekod dari Kementerian Pendidikan jelas memperlihatkan bahawa Menteri Pendidikan tidak pernah menggunakan akta tersebut untuk menukarkan SRJK(C) kepada SK.¹ Ini adalah selaras dengan peruntukan dalam perlembagaan tentang hak rakyat negara terhadap bahasa dan budaya mereka. Malahan pemimpin negara telah berulang kali memberi jaminan terbuka kepada masyarakat Cina bahawa kerajaan tidak berniat untuk berbuat demikian.

¹ Menurut Loot Ting Yee, tiga orang Menteri Pendidikan pernah menggunakan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 21(2) ini, iaitu semasa Tan Sri Johari dan Tun Abdul Rahman Yaakub menjadi Menteri Pendidikan pada tahun 1960-an, mereka menukarkar SRJK(Inggeris) kepada SRK, manakala Tun Hussein Onn menukarkan Sekolah Menengah berpengantar bahasa Inggeris kepada Sekolah Menengah Kebangsaan yang berpengantar bahasa Melayu, lihat Kenyataan Loot Ting Yee mengenai Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961, 23 Januari 1989.

Misalnya, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, bekas Menteri Pendidikan pernah menegaskan SRJK diwujudkan untuk membolehkan rakyat Malaysia keturunan Cina dan India belajar dan menggunakan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa pengantar peringkat sekolah rendah. Beliau mengingatkan bahawa “kedudukan ini tidak lagi dipersoalkan oleh mana-mana pihak dalam kerajaan dan saya tidak mahu sesiapa jua sama ada individu, pertubuhan atau media massa mengungkit-ungkitkan perkara yang sememangnya kita tahu begitu sensitif”.²

Datuk Musa Hitam juga menafikan dakwaan kononnya kerajaan berniat untuk menukarkan corak SRJK(C) dan SRJK(T) kepada SRK. Tegasnya, kerajaan hanya akan menggunakan perbekalan tersebut sekiranya terdapat permohonan yang dikemukakan oleh sekolah berkenaan. Oleh itu, beliau tidak bersetuju kepada sebarang usaha untuk memansuhkan Seksyen 21(2) Akta berkenaan.³

Semasa perbahasan di Parlimen mengenai usul pemansuhan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 yang dikemukakan oleh DAP, Menteri Pendidikan ketika itu Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa perbekalan-perbekalan di dalam perlumbagaan yang menjamin kebebasan penggunaan bahasa ibunda setiap kaum di negara ini sentiasa dihormati. Tegas beliau lagi, sekalipun kuasa itu ada pada kerajaan, bukanlah menjadi tujuan kerajaan untuk menggunakan kuasa itu bagi menukarkan SRJK(C) dan SRJK(T) kepada SK sekiranya rakyat tidak berkehendakkan demikian. Lantaran itu, beliau memberi jaminan terbuka bahawa

² Berita Harian, 8 November 1984.

³ Sin Chew Jit Poh, 21 Jun 1980.

kerajaan tidak akan memaksa SRJK(C) dan SRJK(T) mengubah kepada SRK dengan kuasa yang diberikan, kecuali sekolah itu sendiri memohon perubahan status sekolah.⁴

Namun demikian, jaminan kerajaan tersebut tidak sedikit pun meredakan kebimbangan dan kegusaran para pemimpin SRJK(C), Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Perdebatan berhubung dengannya sering dibangkitkan sehingga menimbulkan kesangsian di kalangan masyarakat Cina terhadap Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961. Kebimbangan mereka telah digembar-gemburkan lagi seolah-olah kerajaan merancang untuk menukar SRJK(C) kepada SRK.

Sebagaimana yang disifatkan oleh Lim Kit Siang, kewujudan seksyen tersebut sebagai sebilah pedang di dalam hati para pendidik Cina terutamanya pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan.⁵ Beliau mengecam seksyen berkenaan telah “contribute and result in the widespread national apprehension and anxiety about the future of Chinese and Tamil primary schools”⁶.

⁴ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Keempat, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.51, 27 Oktober 1975, hlm.5953; “Jiaoyu Buzhang suo: Xuexiao gaizhi fei chuzi qiangpo”, (Menteri Pendidikan: Pertukaran Status Sekolah Bukan Secara Paksaan), Teks Ucapan Menteri Pelajaran Dr. Mahathir Mohamad dalam Perbahasan di Dewan Rakyat pada November 1975, Jabatan Penerangan Malaysia, Kuala Lumpur, November 1975.

⁵ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Kedua, Jilid II, Bil.2, 19 Mac 1980, hlm.231.

⁶ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Keempat, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.51, 27 Oktober 1975, hlm.5938.

Persoalannya, mengapa Dong Jiao Zong dan Hua Tuan masih begitu bimbang terhadap Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961? Menurut Loot Ting Yee, kebimbangan mereka sememangnya mempunyai asas yang kukuh. Katanya, dalam satu pertemuan antara delegasi Dong Jiao Zong dengan Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim pada tahun 1987, pegawai Kementerian Pendidikan pernah mengatakan bahawa “dengan hanya menerusi dasar pentadbiran sahaja, sudah cukup untuk mengakibatkan pertukaran ciri-ciri SRJK(C)...Kenapa perlu menggunakan Akta Pelajaran 1961?”⁷ Sementara dalam surat jawapan kepada usul penghapusan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 yang terkandung dalam memorandum yang dikemukakan oleh GPGSCM kepada Kementerian Pendidikan pada 26 Mei 1987, Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan menegaskan bahawa “Seksyen 21(2) ini tidak bercanggah dengan semangat Perlembagaan Persekutuan kerana penukaran (*conversion*) SRJK tidak menjelaskan hak murid-murid sekolah tersebut mempelajari bahasa Cina dan Tamil”.⁸

Kenyataan-kenyataan tersebut telah meletakkan pemimpin SRJK(C) dan Dong Jiao Zong khususnya serta Hua Tuan amnya sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga terhadap sebarang dasar pendidikan negara yang boleh menghapuskan identiti SRJK(C) di bawah peruntukan Seksyen 21(2) Akta

⁷ Fail GPGSCM/Guru Bahasa Tanpa Kelayakan Bahasa Cina, Surat dari Loot Ting Yee, Pemangku Pengerusi GPGSCM, kepada Pengerusi & Setiausaha Lembaga-Lembaga Pengelola SRJK(C) Seluruh Malaysia, 4 Mac 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁸ Kua Kia Soong, Malaysian Political Realities, Oriengroup Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1992, hlm.134-135.

Pelajaran 1961. Mereka dengan suara lantang ingin mempertahankan status quo SRJK(C) dan menentang sebarang percubaan untuk mengubah identiti SRJK(C) sama ada melalui undang-undang mahupun langkah pentadbiran.

Tuntutan Memansuhkan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961

Bagi menjamin status dan kedudukan SRJK(C) secara berkekalan dalam sistem pendidikan kebangsaan, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan tidak putus-putus mendesak kerajaan supaya memansuhkan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961.⁹

Semasa kerajaan Malaysia mengumumkan pembentukan suatu Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji semula pelaksanaan sistem pendidikan kebangsaan pada

⁹ Lihat Memorandum Kebudayaan Kebangsaan, 15 Pertubuhan Cina yang Utama di Malaysia, Kuala Lumpur, 24 Ogos 1984; Perisytiharan Bersama Pertubuhan-Pertubuhan Cina Malaysia 1985, Dewan Perhimpunan Cina Selangor, Dewan Perhimpunan Cina Pulau Pinang, Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan, Dewan Perhimpunan Tiong Hwa Kelantan, Dewan Perhimpunan Tiong Hua Terengganu, Persatuan Cina Perak, Dewan Perhimpunan Cina Melaka, Gabungan Persatuan-Persatuan Cina Negeri Johor, PPLPSCM, GPGSCM, Pergabungan Persatuan-Persatuan Cina Sarawak, Persatuan Dewan-Dewan Perniagaan Cina Pulau Pinang, Dewan Perniagaan Tiong Hua Kedah, Dewan Perniagaan Cina Negeri Perlis, Gabungan Dewan-Dewan Perniagaan Tiong Hua Sabah, Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Kwang Tung Malaysia, Persatuan Kwangsi Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Teochiew Malaysia, Persekutuan Kheng Chew Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Kai Yin Chu Malaysia, Persekutuan Persatuan-Persatuan Eng Choo Malaysia, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur & Selangor, Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Nanyang Malaya, Persekutuan Dewan Perniagaan Tionghua Negeri Johor, Kumpulan Persatuan Jawatankuasa Sekolah Menengah Cina Persendirian Sabah dan Persekutuan Persatuan-Persatuan Siswazah-Siswazah Universiti Taiwan Malaysia, 1985; Kenyataan Akhbar Lim Fong Seng, Pengerusi PPLPSCM, 16 Januari 1987; Fail GPGSCM/Seksyen21(2)AP1961, Surat dari Lim Fong Seng, Pengerusi PPLPSCM kepada Dr. Tan Tiong Hong, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, 29 Jun 1982, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/Seksyen21(2)AP1961, Surat dari Tong Lee Poh, Setiausaha Agung GPGSCM kepada Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia, 8 Ogos 1978, GPGSCM, Kuala Lumpur.

9 Oktober 1974,¹⁰ Dong Jiao Zong dan Hua Tuan menggunakan kesempatan itu untuk menyampaikan hasrat dan harapan mereka berhubung dengan pendidikan Cina. Melalui memorandumnya yang disokong oleh 3,400 buah Hua Tuan yang berdaftar di seluruh Malaysia, Dong Jiao Zong menggesa kerajaan supaya memansuhkan peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961.¹¹

Bagaimanapun, MCA yang mempunyai wakil dalam Jawatankuasa Kabinet tidak meyokong tindakan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan tersebut. Sebaliknya ia menyokong “*ultimate objective*” Laporan Razak, Laporan Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961 yang menekankan Bahasa Kebangsaan adalah bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Dalam memorandumnya, MCA berpendapat bahawa sebagai bahasa perpaduan rakyat, penggunaan Bahasa Kabangsaan dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan

¹⁰ Bidang tugas Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan Dr. Mahathir Mohamad adalah “mengkaji semula matlamat dan kesannya sistem pelajaran sekarang, termasuk kurikulumnya, dalam rangka dasar pelajaran kebangsaan yang wujud, dengan tujuan untuk mempastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat diperakui sama ada dari segi jangka pendek maupun jangka panjang, dan lebih-lebih lagi dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih.” Jawatankuasa Kabinet telah bermesyuarat sebanyak 23 kali dan meneliti sebanyak 302 memorandum yang diterima daripada badan-badan politik, kesatuan, persatuan dan orang perseorangan. Malaysia, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, hlm.1.

¹¹ Memorandum Submitted by the All Malaysian Chinese Guilds and Associations to the Cabinet Committee on Education, Kuala Lumpur, 27 Januari 1975. Memorandum tersebut juga mengemukakan tuntutan-tuntutan lain seperti (a).Pendidikan semua aliran sekolah patut dijadikan sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan; (b).Bahasa ibunda semua kaum harus dijadikan bahasa pengantar yang utama di dalam sekolah aliran masing-masing; (c).Bahasa dalam peperiksaan awam mestilah sama dengan bahasa pengantar utama sekolah-sekolah berbagai aliran; (d).Organisasi Lembaga Pengelola Sekolah mesti dikekalkan dan kuasa-kuasanya tetap tidak berubah; (e).Pembahagian biasiswa atau dermasiswa kerajaan kepada penuntut-penuntut semua aliran hendaklah berdasarkan keputusan akademik mereka; (f).Latihan perguruan mesti selaras dengan keperluan semua aliran sekolah; (g).Mengiktiraf ijazah dari Universiti Nanyang, Kolej Ngee Ann dan Universiti-universiti Taiwan; dan (i).Kerajaan harus membentuk Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Cina yang dianggotai oleh wakil-wakil dari badan pendidikan Cina untuk membantu Kerajaan dalam menyelesaikan masalah pendidikan Cina.

masyarakat Malaysia adalah sesuai dan tepat kerana penduduk Melayu adalah sangat ramai dalam masyarakat Malaysia.

Justeru itu, MCA mencadangkan Bahasa Kebangsaan dipilih sebagai bahasa pengantar untuk mengajar mata pelajaran seperti Kesusastraan Melayu, Sejarah, Geografi, Ekonomi (termasuk Ekonomi Desa), Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Pertanian, Pembangunan Perindustrian, Pendidikan, Muzik, Drama dan Kebudayaan.¹²

Dong Jiao Zong dan Hua Tuan membantah kuat cadangan MCA yang memperakukan bahawa Bahasa Kebangsaan harus dijadikan sebagai bahasa pengantar utama di institusi pendidikan negara. Mereka mendakwa cadangan tersebut boleh menguburkan identiti SRJK(C) dan SMPC yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, baik dalam bidang pentadbiran mahupun pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, Dong Jiao Zong menggesa MCACECC memanggil satu mesyuarat pada 20 April 1975 untuk membincangkan isu bahasa pengantar dalam memorandum MCA tersebut. Namun demikian, MCA tidak menghadirkan diri dalam mesyuarat tersebut yang dianjurkan oleh Dong Jiao Zong. Dengan ketidakhadiran MCA, perwakilan Hua Tuan sebulat suara menyetujui bahawa sekiranya memorandum MCA diterima

¹² Memorandum Mengenai Kajian Sistem Pelajaran di Malaysia, Biro Pelajaran MCA, Kuala Lumpur, Januari 1975; lihat juga The Guardian, Jil. 7, No.4, 1975; The Sunday Star, 25 Mei 1975; Nanyang Siang Pau, 14 Februari 1975; Sin Chew Jit Poh, 16 Februari 1975.

oleh Kerajaan, sekolah Cina akan dihapuskan sepenuhnya.¹³ Lantaran itu, Pengerusi PPLPSCM, Lim Fong Seng dan Pengerusi GPGSCM, Sim Mow Yu telah mendesak MCA supaya menarik balik cadangan tersebut dari memorandumnya.¹⁴

Walau bagaimanapun, desakan demi desakan dari Dong Jiao Zong akhirnya memaksa MCA bersetuju mengadakan satu mesyuarat tertutup dengan wakil-wakil Dong Jiao Zong dan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah Cina di ibu pejabat MCA pada 1 Mei 1975. Namun demikian, mesyuarat itu tidak mencapai sebarang persefahaman dan persetujuan kerana kedua-dua pihak tidak mahu berganjak dari pendirian masing-masing.¹⁵ Selanjutnya pertemuan kedua diadakan pada 14 Mei 1975 tetapi masih mengalami nasib yang serupa.¹⁶ Keadaan ini telah mendesak Dong Jiao Zong mengambil keputusan untuk meneruskan usahanya secara bersendirian tanpa MCACECC, bagi mencapai matlamat ‘mempertahankan pendidikan Cina, memperkembangkan pendidikan bahasa ibunda, memperjuangkan kesamarataan pendidikan’ di negara ini.¹⁷

¹³ Nanyang Siang Pau, 22 April 1975.

¹⁴ Fail GPGSCM/Neige Jiaoyu baogaoshu 1979[Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979], Surat dari Dong Jiao Zong kepada Datuk Lee San Choon, Presiden MCA, 25 April 1975, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/Neige Jiaoyu baogaoshu 1979[Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979], Letter from Lim Fong Seng, Chairman of UCSCAM and Sim Mow Yu, Chairman of UCSTAM to Tun Hj. Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia, 14 Jun 1975, GPGSCM, Kuala Lumpur; Teachers' Journal, Vol.10, No.34, 31 Oktober 1975, hlm.1-2.

¹⁵ Nanyang Siang Pau, 2 Mei 1975.

¹⁶ Ibid., 15 Mei 1975.

¹⁷ Ibid., 27 Jun 1975.

Tindakan tersebut bererti kerjasama rapat MCA dengan Dong Jiao Zong melalui MCACECC sejak tahun 1952 telah berakhir. Perpecahan di antara Dong Jiao Zong dengan MCA jelas terbayang dalam ucapan Presiden MCA Datuk Lee San Choon. Beliau menegaskan bahawa “Dong Jiao Zong ingin menggariskan sempadan dengan MCA, saya mengucapkan tahniah dan berharap mereka mendapatkan hasil. Akan tetapi, sekiranya mereka menggunakan isu pendidikan Cina sebagai suatu taktik politik untuk menyerang MCA, saya pasti membala.”¹⁸

Laporan Jawatankuasa Kabinet telah diumumkan pada 7 November 1979. Dengan meneliti kandungan dan perakuan yang dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet, boleh dikatakan Laporan tersebut adalah berasaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 yang berteraskan Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib. Sebagaimana yang diterangkan oleh Datuk Musa Hitam, Menteri Pendidikan,

“Laporan Jawatankuasa Kabinet bukanlah merupakan suatu dasar pendidikan yang baharu, sebaliknya ia adalah hasil kajian semula Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib, dan kedua-dua laporan ini telah menjadi asas Dasar Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat untuk melahirkan satu bahasa, satu bangsa dan satu negara”.¹⁹

Seperkara yang perlu ditegaskan ialah Laporan Jawatankuasa Kabinet adalah satu laporan hasil daripada kajian yang dibuat terhadap pelaksanaan Dasar

¹⁸ Sin Chew Jit Poh, 12 Ogos 1975.

¹⁹ Ibid., 5 Februari 1980.

Pendidikan Kebangsaan dan bukanlah satu kajian ke atas dasar pendidikan itu sendiri. Dengan kata lain, kajian yang dibuat sama sekali tidak menyentuh asas-asas atau teras Dasar Pendidikan Kebangsaan. Sebaliknya ia hanya mengkaji serta menilai cara-cara pelaksanaan agar menjadi lebih berkesan dari segi pencapaian objektif dan matlamat yang ditetapkan. Oleh itu, Laporan Jawatankuasa Kabinet tidak membuat apa-apa cadangan yang berkaitan dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan, termasuk pemansuhan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961.

Sungguhpun demikian, Menteri Pendidikan, Datuk Musa Hitam mengatakan bahawa Laporan Jawatankuasa Kabinet tetap memberi jaminan yang eksplisit kepada pendidikan bahasa ibunda di negara ini.²⁰ Misalnya, Perakuan 1 Laporan tersebut mengusulkan:

“Pada masa ini sekolah-sekolah menggunakan tiga bahasa pengantar, Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, SRJK(C) menggunakan bahasa Cina dan SRJK(T) pula menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Memandangkan keadaan sekarang ini, adalah diperakukan supaya sistem persekolahan peringkat rendah yang sedia ada diteruskan.”²¹

Selaras dengan Akta Pelajaran 1961, Jawatankuasa Kabinet juga memperakukan supaya bahasa Cina diajar kepada murid-murid di peringkat

²⁰ Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Kedua, Jilid II, Bil.1, 18 Mac 1980, hlm.80.

²¹ Malaysia, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran, Perakuan 1.

menengah dan juga peringkat rendah yang bukan SRJK(C) sekiranya terdapat 15 orang ibu bapa murid atau lebih memohon supaya bahasa itu diajarkan.²² Walau bagaimanapun, memandangkan peruntukan untuk belajar bahasa Cina tidak dapat dilayani dengan sepenuhnya kerana kekurangan guru, Jawatankuasa Kabinet telah memperakukur supaya satu peruntukan masa diadakan di dalam jadual waktu sekolah untuk pengajaran bahasa ibunda.²³ Selain itu, Jawatankuasa Kabinet juga memperakukur supaya masalah-masalah yang dihadapi dalam pengajaran bahasa ibunda hendaklah diikhtiar dan diatasi termasuklah penyediaan guru-guru yang mencukupi.²⁴

Sungguhpun demikian, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan masih menolak laporan tersebut. Alasannya ialah ia bertujuan untuk mencapai Matlamat Muktamad Laporan Razak, Laporan Rahman Talib dan Akta Pelajaran 1961 yang menetapkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar tunggal di semua sekolah, atau dasar pendidikan satu bahasa. Mereka mendakwa bahawa “*ultimate objective*” dasar pendidikan kebangsaan adalah tidak membenarkan kewujudan SRJK(C) dan SRJK(T) di negara ini.²⁵ Menurut pandangan mereka, selagi Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 tidak dimansuhkan, selagi itulah SRJK(C) berhadapan dengan risiko perubahan identiti.

²² Ibid., Perenggan 168, hlm.90.

²³ Ibid., Perakuan 37.

²⁴ Ibid., Perakuan 47.

²⁵ Jiao Zong dui Neige Jiaoyu Jiantao Weiyuanhui Baogaoshu de yijian, (Pandangan Jiao Zong Terhadap Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaksanaan Dasar Pelajaran), GPGSCM, Kuala Lumpur, 19 Mac 1980.

Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang turut sependapat dengan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Beliau mendakwa Perakuan 1 dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet adalah sangat ‘eloquent’ kerana implikasinya ialah SRJK(C) dan SRJK(T) akan dibiarkan atau ‘tolerated’ untuk sementara waktu sahaja tetapi bila sampai masa yang sesuai ianya akan ditukar kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan dengan menguatkuasakan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961.²⁶

Menjelang pilihan raya umum 1986, isu peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 menjadi hangat semula. Para pemimpin MCA tahu bahawa mereka menghadapi persaingan hebat daripada parti politik lain terutamanya DAP dalam mencari pengaruh di kalangan pengundi Cina. DAP yang lebih lantang menyuarakan kepentingan masyarakat Cina telah mendesak MCA terikut-ikut dengan rentak yang didendangkan olehnya terutamanya mengenai pemansuhan Seksyen 21(2) tersebut.

Lantaran itu, bagi mengelakkan isu tersebut dipolitikkan oleh parti pembangkang, MCA telah menggunakan pilihan raya sebagai tekanan politik ke atas kerajaan supaya mengambil langkah undang-undang untuk menghapuskan kesangsian masyarakat Cina terhadap janji-janji kerajaan untuk tidak menghapuskan SRJK(C). Misalnya Timbalan Menteri Pendidikan, Ng Cheng Kiat telah mengesahkan bahawa pemimpin MCA telah menyampaikan kebimbangan

²⁶ Malaysia, *Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 15, 9 Jun 1980*, hlm. 2056.

dan kegelisahan masyarakat Cina terhadap Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 kepada kerajaan dan berharap peruntukan itu dapat dipinda.²⁷

Sebagai kesannya, Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad, semasa melawat SMPC Shen Jai, Ipoh pada 15 Mac 1986, menegaskan bahawa kerajaan tidak akan menghapuskan SRJK dan akan terus bersikap liberal terhadap sekolah-sekolah berkenaan. Justeru itu, beliau buat pertama kalinya mengumumkan bahawa kerajaan akan melakukan kajian dan pindaan terhadap Akta Pelajaran 1961 terutamanya Seksyen 21(2) untuk menghilangkan rasa curiga di kalangan setengah-setengah orang Cina mengenai kedudukan SRJK yang bahasa pengantarnya ialah bahasa ibunda.²⁸

MCA telah mengeksplorasi kenyataan Perdana Menteri tersebut melalui suratkhabar Cina untuk meraih sokongan dan mencari simpati daripada masyarakat Cina. Melalui media cetak, MCA telah menunjukkan pendirian yang begitu teguh dan tidak mahu bertolak ansur dalam tuntutannya untuk meminda seksyen tersebut. Misalnya, MCA telah mengancam akan keluar dari BN jika kerajaan tidak mengambil langkah untuk meminda seksyen tersebut. Memetik kata Presidennya, Tan Koon Swan,

²⁷ Nanyang Siang Pau, 20 Februari 1986.

²⁸ Sin Chew Jit Poh, 16 Mac 1986.

“The MCA will leave the Barisan National if the Government does not fulfill its promise to amend Section 21(2) of the Education Act 1961... The MCA has a guarantee from the Prime Minister that this section will be amended... The MCA could not ask the Government to abolish the Act at the moment because the party had to consider certain situations in which the section could be effectively applied... The said section would be amended in the next parliamentary sitting... He said should the general election be held before Parliament sits, the proposed amended Act would be put in the Barisan National election manifesto.”²⁹

Dong Jiao Zong dan Hua Tuan pada keseluruhannya menyambut baik kesediaan kerajaan untuk meminda Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961. Mereka berharap cadangan kerajaan itu “bukan merupakan suatu tindakan sementara sebelum pilihanraya, tetapi suatu permulaan baik kerajaan BN untuk mengkaji semula dan mengubah dasar pendidikan negara”.³⁰ Akan tetapi, mereka tidak puas hati seksyen tersebut hanya sekadar dipinda sahaja. Sebaliknya mereka inginkan seksyen itu dimansuhkan dan seterusnya dikaji semula Akta Pelajaran 1961 dengan berasaskan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang digariskan dalam Fasal 3 Ordinan Pelajaran 1957 serta selaras dengan syarat Perlembagaan Persekutuan.³¹

Secara kontranya, Tan Koon Swan berpendapat bahawa “*an amendment was adequate to serve and protect our purpose*”.³² Malah sebagai satu jaminan

²⁹ News Straits Times, 24 Mei 1986.

³⁰ Kenyataan Dong Jiao Zong mengenai laporan Kerajaan mungkin meminda Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961, 19 Februari 1986.

³¹ Fail GPGSCM/Seksyen21(2)AP1961, Surat dari Dong Jiao Zong kepada Menteri Pendidikan, En. Anwar Ibrahim, 7 Jun 1986, GPGSCM, Kuala Lumpur.

³² The Star, 26 Mei 1986.

tambahan, MCA telah mencadangkan agar suatu peruntukan khas dimasukkan ke dalam akta, iaitu “Menteri Pendidikan tidak boleh menggunakan kuasanya untuk menukar SRJK(C), melainkan memperoleh persetujuan daripada dua pertiga ibu bapa murid-murid”.³³ Sehubungan itu, Setiausaha Agung MCA, Datuk Lee Kim Sai memberitahu bahawa MCA mengemukakan dua cadangan terhadap pindaan Seksyen 21(2), iaitu:

“The MCA insist that the Education Minister should have no power to convert any Chinese school which had more than 10 Chinese pupils into a national school. As a double assurance, the MCA will also insist that, even if the number of Chinese pupils is below 10, the Minister can only turn the school into a national school with the consent of the school board and the parents.”³⁴

Naib Pengerusi GPGSCM, Loot Ting Yee amat tidak bersetuju dengan cadangan MCA tersebut kerana ia bertentangan dengan hasrat dan harapan masyarakat Cina yang menyokong seksyen tersebut dimansuhkan. Selain itu, beliau mendakwa pendirian parti MCA itu telah bercanggah dengan resolusi dalam Perhimpunan Agung ke-17 mengenai pemansuhan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961.³⁵

Bagaimanapun, Pergerakan Pemuda UMNO menyuarakan tentang kuat terhadap sebarang usaha kerajaan untuk meminda Seksyen 21(2) tersebut.

³³ Nanyang Siang Pau, 24 Mei 1986.

³⁴ The Star, 28 Julai 1986.

³⁵ Kin Kwok Daily News, 1 Jun 1986.

Misalnya, ketika menemui wakil-wakil Persatuan-Persatuan Bahasa Melayu dan Guru-Guru Melayu di Kuala Lumpur pada 1 Jun 1986, Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim merangkap Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dengan lantangnya menegaskan:

*"Any change or amendment will only be made if it does not invalidate the common aspiration of upholding Bahasa Malaysia as the main medium of instruction in the country in line with the spirit of the National Education Policy... Any change proposed that contradicts national aspiration is not likely to be entertained."*³⁶

Ketegasan Menteri Pendidikan mempertahankan konsep dan falsafah Dasar Pendidikan Kebangsaan itu telah mendapat sokongan kuat daripada para pemimpin Pergerakan Pemuda UMNO.³⁷ Walau bagaimanapun, dua hari kemudiannya, Anwar Ibrahim mengesahkan bahawa kerajaan pasti meminda Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 dan pindaan yang dicadangkan terhadap seksyen itu tidak akan bercanggah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.³⁸

Perubahan pendirian Anwar Ibrahim telah menimbulkan bantahan daripada Pergerakan Pemuda UMNO. Misalnya Kadri Sabran, wakil dari Johor membidas kenyataan Anwar Ibrahim mengenai seksyen 21(2) yang sering berubah. Beliau menyeru Anwar Ibrahim supaya bersikap lebih tegas dan tidak

³⁶ Bussiness Times, 2 Jun 1986.

³⁷ Nanyang Siang Pau, 3 Jun 1986.

³⁸ Ibid., 5 Jun 1986.

perlu bimbang kerana semua ahli Pergerakan Pemuda UMNO meyokong beliau sebagaimana menyokong Datuk Musa Hitam ketika penolakan penubuhan Universiti Merdeka.³⁹ Majlis Belia Malaysia pula meminta Anwar Ibrahim supaya jangan tunduk kepada tekanan dan desakan terhadap pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Setiausaha Agungnya, Fuad Hassan dalam kenyataannya menegaskan bahawa sebarang pindaan kepada seksyen berkenaan tidak harus berganjak daripada semangat Dasar Pendidikan Kebangsaan yang telah dicapai oleh pemimpin kaum yang berdasarkan prinsip tolak ansur dan pengorbanan bahasa.⁴⁰

Kontroversi pindaan peruntukan Seksyen 21(2) di ambang pilihan raya umum dipercayai boleh mengakibatkan perpecahan antara parti komponen BN. Justeru itu, Kerajaan BN telah membekukan persoalan tersebut buat sementara waktu. Manifesto pilihan raya BN telah menampakkan prinsip politik yang bercorak akomodatif tersebut. Ia tidak memasukkan pindaan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 sepertimana yang dijanjikan kepada MCA. Sebagai satu jalan tolak ansur, BN memperakukan bahawa “Sekolah-sekolah Cina dan Tamil akan diteruskan dalam bentuknya sekarang. Kami memberi jaminan bahawa ianya tidak akan diubah”.⁴¹ Sungguhpun kerajaan BN tidak menyatakan secara eksplisit untuk meminda peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961, namun Presiden

³⁹ Berita Harian, 20 September 1986.

⁴⁰ The Star, 6 Julai 1986.

⁴¹ Ke Arah Keamanan, Kestabilan dan Kemakmuran Malaysia, Manifesto Pilihan Raya Umum Barisan Nasional, 1986.

MCA Tan Koon Swan masih berasa puas hati. Beliau menyuarakan sokongan kuat dengan tindakan BN tersebut. Katanya,

“For the time being, we are satisfied with the guarantee given by the Government that there will be no change in the character of Chinese or Tamil schools... Although the amendment to the Act was not raised in the manifesto, it gave the assurance that the schools would continue to exist and guaranteed that there would be no change.”⁴²

Akan tetapi, selepas kemenangan besar dalam pilihan raya umum 1986, cadangan kerajaan untuk meminda Seksyen 21(2) telah bertukar menjadi kajian semula Akta Pelajaran 1961 secara keseluruhan bagi memantapkan Dasar Pendidikan Kebangsaan. Misalnya, pada 11 September 1986, Anwar Ibrahim mengatakan bahawa “Kementerian Pendidikan akan mengkaji semula dan meminda Akta Pelajaran 1961 untuk memperkuuhkan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan”.⁴³ Selanjutnya, dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 20 September 1986, beliau mengumumkan bahawa:

“Perdana Menteri dan Majlis Tertinggi UMNO telah bersetuju untuk meminda Akta Pelajaran 1961 bagi memperkuuhkan lagi pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan merealisasikan perjuangan UMNO dan hasrat seluruh rakyat. Adalah tidak sesuai dan mustahil bagi kerajaan yang diterajui oleh UMNO untuk mempertimbangkan kelonggaran peruntukan Akta Pelajaran pada masa sekarang”.⁴⁴

⁴² News Straits Times, 26 Julai 1986.

⁴³ Sin Chew Jit Poh, 12 September 1986.

⁴⁴ Miqie guanzhu jijiang chulu de 1990 Nian Jiayu Faling, (Prihatin Terhadap Penggubalan Akta Pendidikan 1990), Jawatankuasa Kerja SMPC Dong Jiao Zong , Kuala Lumpur, 1990, hlm.9.

Oleh kerana segala proses dan perkembangan tentang penggubalan akta pendidikan baru dikategorikan di bawah Akta Rahsia Rasmi, masyarakat umum langsung tidak mengetahui apa yang dibuat oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang terlibat. Perkembangan ini telah meningkatkan lagi kegelisahan dan kerisauan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap hasilan kajian semula Akta Pelajaran 1961. Keadaan ini jelas terbayang dalam satu kenyataan yang menyatakan bahawa:

*"We view with great alarm the current exercise being undertaken by the Education Ministry to review the Education Act 1961. This review by the Ministry is being done not only in complete disregard for the views of the representative bodies of the various ethnic communities and other non-government organisations, but consultation within the Barisan Nasional itself seems to be non-existent. None of the political parties outside of UMNO seems to have a clue as to what the various committees involved in this review are drafting at the moment. Such an attitude by the government does not augur well for the future of our nation especially when the resultant Education policy will have extensive repercussions. As is well-known, education means a lot to many people and communities in this country and its policy should not be so undemocratically decided by a handful officials from exclusively one ethnic group."*⁴⁵

Oleh yang demikian, sebelum kandungan-kandungan akta pendidikan yang baru diumumkan, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terpaksa merujuk kepada kenyataan dan ungkapan Menteri Pendidikan dan pemimpin BN terutamanya UMNO untuk menduga kandungannya. Pada 27 November 1986, Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim pernah menyeru masyarakat Malaysia yang berbilang

⁴⁵ Press Statement: The View of UCSCAM, UCSTAM on the Review of the Education Act, 10 Ogos 1987.

kaum menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ibunda ke arah mencapai integrasi dan perpaduan nasional. Katanya,

“Mereka harus dapat terima dan tafsir semula perkataan ‘bahasa ibunda’ dalam hubungan yang lebih luas dan tidak lagi merujuk kepada Bahasa Cina, Tamil malahan Melayu sebagai bahasa ibunda mereka, sekiranya mereka merasa bangga dipandang dan dilayan sebagai rakyat Malaysia...Ini harus merupa sikap umum semua rakyat Malaysia sekarang, dan mereka tidak harus berpegang kepada pemahaman sempit terhadap perkataan bahasa ibunda, kerana ianya akan menyebabkan berterusan polarisasi antara semua rakyat Malaysia.”⁴⁶

Dalam “Seminar Tentang Dasar Pendidikan Nasional dan Akta Pelajaran” tajaan Kementerian Pendidikan, Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dan Pusat Pendididkan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1-2 November 1986, Anwar Ibrahim sekali lagi menegaskan bahawa “Dasar Pendidikan Nasional adalah berasaskan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Ini jelas dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan Laporan Razak 1956, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Perkara ini tidak dapat dipertikaikan”⁴⁷ Lebih-lebih lagi, pandangan yang ditekankan oleh pembentang kertas kerja dalam seminar itu amat merunsingkan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Di antaranya SRJK(C) dan SRJK(T) merupakan punca polarisasi kaum, dan

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Sekretariat Dong Jiao Zong, 1990 Nian Jiayu Fa'an zhenxiang, (Kebenaran Rang Undang-Undang Pendidikan 1990), Pusat Penyelidikan Pendidikan Jiao Zong, Kuala Lumpur, 1990, hlm.21.

matlamat dasar pendidikan negara ialah untuk mencapai cita-cita Laporan Razak.⁴⁸

Pada 23 April 1987, seruan Pemuda UMNO kepada kerajaan supaya dengan segera meminda Akta Pelajaran 1961 secocok dengan perkembangan pendidikan sekarang serta untuk membayangkan keperluan dan hasrat parti. Untuk mencapai matlamat itu, Pemuda UMNO mencadangkan agar "...usaha diperkemaskan untuk meluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah jenis kebangsaan serta meninggikan mutu Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pelajaran".⁴⁹ Selain itu, mereka juga mendesak kerajaan mengkaji semula sukanan pendidikan untuk menanamkan kecintaan terhadap negara dan kebangsaan terhadap kebudayaannya.⁵⁰

Sungguhpun Timbalan Menteri Pendidikan Woon See Chin telah mengesahkan bahawa "Seksyen 21(2) yang mengancam kewujudan SRJK(C) tidak akan wujud lagi",⁵¹ namun Dong Jiao Zong dan Hua Tuan tetap berpendapat kenyataan dan ungkapan di atas telah memanifestasikan kajian semula Akta Pelajaran 1961 oleh kerajaan adalah berhaluan kepada pelaksanaan dasar satu bahasa dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan, iaitu status Bahasa Kebangsaan

⁴⁸ Kenyataan Jawatankuasa Kerja 15 Hua Tuan mengenai Kajian Semula Akta Pelajaran 1961, 12 Julai 1987.

⁴⁹ Nanyang Siang Pau, 24 April 1987.

⁵⁰ Ibid.

⁵¹ Sin Chew Jit Poh, 29 Mei 1987.

dikukuhkan, mungkin menjadi bahasa pengantar tunggal di semua sekolah termasuk tadika dan menjadikan matlamat perpaduan sebagai alasan untuk melaksanakan konsep sekolah yang serupa dengan Sekolah Integrasi. Selain itu, hak mempelajari bahasa ibunda dirampas selanjutnya dan SRJK(C) mungkin digantikan dengan SK yang mengajar Bahasa Cina sebagai satu mata pelajaran sahaja.⁵²

Dalam keadaan yang tertekan ini, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan telah menubuhkan Jawatankuasa Bertindak 15 Hua Tuan Tentang Kajian Semula Akta Pelajaran bertujuan untuk mempertahankan sekolah-sekolah Cina.⁵³ Serentak dengan itu, pertubuhan-pertubuhan Cina peringkat negeri juga diseru agar menubuhkan jawatankuasa kerja masing-masing bagi menyelaras dan mengerahkan orang Cina bagi menghadapi dilema penggubalan akta pendidikan yang baharu ini.⁵⁴ Bagi menghadapi cabaran yang tertimbul daripada kajian semula Akta Pelajaran 1961 itu secara kolektif, Jawatankuasa Bertindak menyeru parti komponen BN terutamanya MCA dan Gerakan mengambil inisiatif untuk melibatkan diri di peringkat pembentukan dasar bagi mengelakkan monopol

⁵² Unit Penerbitan Dong Zong, Baowei Huajiao: Guanzhu 1961 Nian Jiaoyu Faling de xiugai, (Mempertahankan Pendidikan Cina:Peka Terhadap Kajian Semula Akta Pelajaran 1961), PPLPSCM, Kuala Lumpur, 1987, hlm.31.

⁵³ Jawatankuasa Kerja ini terdiri daripada Pengerusi Chong King Liong (DPCS), Naib Pengerusi Lim Fong Seng (PPLPSCM), dan AJK, Sim Mow Yu , Tuang Pik King dan Loot Ting Yee (GPGSCM), Low Sik Thong dan Soo Lim Pang (PPLPSCM).

⁵⁴ Pertubuhan Cina peringkat negeri yang menyahut seruan itu adalah Pulau Pinang, Perak, Johor, Selangor & Kuala Lumpur, Melaka dan Pahang.

UMNO menerusi pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan semasa mengkaji semula Akta Pelajaran 1961.⁵⁵

Selain itu, Jawatankuasa Bertindak juga menghantar satu memorandum kepada Kementerian Pendidikan untuk dipertimbangkan semasa penggubalan akta pendidikan yang baharu. Memorandum tersebut di antara lain telah meminta Kementerian Pendidikan supaya membentuk sebuah Jawatankuasa Pendidikan Bebas dengan serta merta untuk menggabungkan kehendak dan hasrat semua penduduk. Memorandum tersebut juga mencadangkan supaya akta dan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baru harus berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Ordinan Pelajaran 1957. Justeru itu, Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 hendaklah dihapuskan dan penggunaan bahasa pengantar di sekolah-sekolah tidak harus disekat. Akhirnya memorandum itu menyeru kerajaan bertanggungjawab terhadap perkembangan semua sekolah rendah dan menengah yang bahasa pengantarnya terdiri daripada bahasa ibunda rakyat Malaysia, serta mengakui sumbangan SMPC dalam bidang pendidikan dan latihan keperluan tenaga pekerja negara melalui pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersama SMPC sebagai kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi tempatan dan Perkhidmatan Awam.⁵⁶

Di samping itu, Dong Jiao Zong berusaha untuk mengadakan pertemuan dan berdialog dengan Menteri Pendidikan agar suatu persefahaman wajar dapat

⁵⁵ Kenyataan Dong Jiao Zong mengenai Kajian Semula Akta Pelajaran 1961, 9 Julai 1987.

⁵⁶ Untuk maklumat lanjut, lihat Memorandum Tentang Kaji Semula Akta Pelajaran 1961, Pertubuhan-Pertubuhan Utama Cina se-Malaysia, Kuala Lumpur, 27 Disember 1988.

dicapai berhubung dengan akta pendidikan yang baru.⁵⁷ Namun, usaha mereka tidak mendapatkan sebarang tindak balas daripada Menteri Pendidikan. Dong Jiao Zong dan DPCS juga mengadakan pertemuan dengan MCA dan Gerakan dengan tujuan untuk mengetahui kandungan Akta Pendidikan yang baru.⁵⁸ Dong Jiao Zong dan Hua Tuan telah dimaklumkan buat pertama kalinya bahawa kajian semula Akta Pelajaran 1961, antara lain menyentuh perkara-perkara seperti Seksyen 21(2) dimansuhkan, tempoh persekolahan rendah ditukarkan kepada 5 tahun, serta Lembaga Pengelola di sekolah yang hak milik tanahnya dipegang oleh kerajaan mungkin dihapuskan.⁵⁹

Berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi itu, Dong Jiao Zong mengemukakan hasrat dan tuntutan yang meliputi soal latihan guru SRJK(C) dalam bahasa pengantar sekolah,⁶⁰ pengekalan status quo Lembaga Pengelola Sekolah,⁶¹ penyelesaian masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia

⁵⁷ Fail GPGSCM/Seksyen 21(2)AP1961, Surat dari Low Sik Thong, Setiausaha Kehormat PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada Menteri Pendidikan En.Anwar Ibrahim, 21 Oktober 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/Seksyen 21(2)AP1961, Surat dari Lim Fong Seng, Pengerusi PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada Menteri Pendidikan En.Anwar Ibrahim, 4 Disember 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁵⁸ Dialog antara pemimpin Dong Jiao Zong dan DPCS dengan MCA diadakan pada 1 Disember 1989, manakala dengan Gerakan pada 6 Disember 1989.

⁵⁹ 1989 Nian Gongzu Baogaoshu, (Laporan Tahunan 1989), GPGSCM, Kuala Lumpur, 1990, hlm 14.

⁶⁰ Fail GPGSCM/Huaxiao Shizi[Guru Terlatih SRJK(C)], Surat dari Low Sik Thong, Setiausaha Kehormat PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada Menteri Pendidikan En. Anwar Ibrahim, 20 Oktober 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁶¹ Fail GPGSCM/Seksyen 21(2)AP1961, Surat dari Lim Fong Seng, Pengerusi PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada Menteri Pendidikan En. Anwar Ibrahim, 28 September 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

di SRJK(C)⁶² serta bantahan penggubalan sistem persekolahan bagi sekolah rendah dari enam tahun kepada lima tahun kepada Kementerian Pendidikan.⁶³

Walau bagaimanapun, satu perkara yang pasti ialah kerajaan BN akhirnya bertolak ansur terhadap tuntutan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan selama ini untuk memansuhkan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 bagi menghapuskan keraguan mereka terhadap janji kerajaan untuk tidak menghapuskan SRJK(C) dan SRJK(T). Dalam hal ini, Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim telah mengesahkan bahawa kerajaan pasti akan memansuhkan seksyen tersebut semasa kajian semula Akta Pelajaran 1961.⁶⁴

Sebagai rumusannya, kontroversi peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 sering mengakibatkan kegusaran di kalangan pemimpin SRJK(C), Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Mereka adalah begitu sensitif terhadap perubahan status dan kedudukan SRJK(C) kepada SRK. Justeru, seluruh masyarakat Cina di bawah pimpinan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan telah melancarkan gerakan yang tidak putus-putus untuk memansuhkannya. Selain itu, parti-parti politik Cina terutamanya MCA dan DAP juga turut menyuarakan bantahan mereka. Dengan

⁶² Fail GPGSCM/Seksyen 21(2)AP1961, Surat dari Lim Fong Seng, Pengurus PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Menteri Pendidikan En. Anwar Ibrahim, 30 Oktober 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁶³ Fail GPGSCM/Seksyen 21(2)AP1961, Surat dari Lim Fong Seng, Pengurus PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Menteri Pendidikan En. Anwar Ibrahim, 9 September 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

⁶⁴ Nanyang Siang Pau, 31 Oktober 1989.

perjuangan yang konsisten serta keazaman yang kental, mereka akhirnya memperoleh suatu kejayaan yang memerangsangkan.

Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim, seorang pembela bahasa kebangsaan dan pendukung kuat dasar pendidikan kebangsaan sejak tahun 1960-an telah berganjak dari mempertahankan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961. Pemansuhan seksyen itu bererti Menteri Pendidikan tidak lagi mempunyai kuasa perundangan untuk mengarahkan SRJK(C) dan SRJK(T) ditukar kepada SRK. Keadaan ini telah merumitkan usaha kerajaan untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat persekolahan dan institusi pendidikan kebangsaan. Tegasnya, pemansuhan peruntukan Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961 boleh dianggap sebagai satu kemenangan yang besar ertinya bukan sahaja kepada Dong Jiao Zong dan Hua Tuan, tetapi juga kepada parti-parti politik Cina.